

**LUKISAN MURAL SEBAGAI DAYA TARIKAN PELANCONGAN
WARISAN: KESAN TERHADAP KOMUNITI SETEMPAT
DI KOTA BHARU, KELANTAN**

***MURAL DRAWINGS AS AN ATTRACTION OF HERITAGE
TOURISM: EFFECTS ON THE LOCAL COMMUNITY
IN KOTA BHARU, KELANTAN***

**Farrah Atikah Saari, Daeng Haliza Daeng Jamal,
Nor Asmalini Mohd Nawawi, Nasirin Abdillah**

Abstrak

Kajian ini dilakukan bagi membincangkan kesan lukisan mural kepada komuniti setempat sebagai salah satu daya tarikan di bandar Kota Bharu, Kelantan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan meneroka potensi lukisan mural dalam pelancongan warisan dan implikasinya terhadap komuniti setempat. Lukisan-lukisan mural ini terdapat di lorong-lorong bersebelahan dengan pejabat Parti Islam SeMalaysia (PAS). Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu borang soal selidik yang telah diedarkan secara rawak kepada penduduk sekitar Kota Bharu. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan pendekatan statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan. Kajian ini membuktikan komuniti setempat menunjukkan reaksi positif terhadap lukisan mural di lokasi kajian. Responden kajian turut berpendapat lukisan mural telah membantu pembentukan moral dan sahsiah diri yang positif khususnya dalam kalangan generasi muda. Di samping itu, hasil analisis mendapati lukisan mural yang terdapat di sekitar Kota Bharu juga dilihat juga berpotensi menyumbang dalam pelancongan di Kota Bharu yang merupakan pintu masuk kepada jelajah warisan budaya di Kelantan.

Kata kunci: Lukisan mural, Kota Bharu, komuniti setempat, ekonomi setempat dan pelancongan warisan

Abstrak

This research aims at discussing the effects of mural drawings on the local community as a form of attraction for tourism in the city of Kota Bharu, Kelantan. Apart from this, the study also explores the potentiality of mural drawings in heritage tourism and their implications on the local community. The research location is in the alleys next to the office of Parti Islam SeMalaysia (PAS). The study employs a qualitative method using a survey with a set of questions to be given randomly to the local community of Kota Bharu. Data collected from the completed questionnaires will be analysed using a statistical description approach such as frequency and percentage. This study shows that the local community reacts positively to the mural drawings at the research location. The respondents in this research also remark that the mural drawings have helped shape moral and positive personality of the younger generation. The research outcome concludes that the mural

drawings in Kota Bharu have the potential to contribute significantly to tourism in Kota Bharu as the main entry point for a cultural heritage trail in Kelantan.

Key words: *Mural drawing, Kota Bharu, local community, local economy and heritage tourism*

PENGENALAN

Negeri Kelantan terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan di sebelah utara bersempadan dengan negara Thailand. Negeri Kelantan berkeluasan 14, 922 kilometer persegi (1.5 juta hektar) iaitu meliputi 10 buah jajahan iaitu Kota Bharu, Bachok, Tumpat, Pasir Mas, Pasir Puteh, Kuala Krai, Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang. Penduduk Kota Bharu kaya dengan budaya yang sungguh unik. Lantaran itu, pada 25 Julai 1991, ibu negeri Kelantan ini telah diisytiharkan sebagai 'kota budaya' oleh DYMM Al-Sultan Kelantan. Manakala pada 1 Oktober 2005, ibu negeri Kelantan ini telah diisytiharkan sebagai sebuah Bandar Raya Islam dengan gelaran "Kota Bharu Bandar Raya Islam".

Sejarah pembentukan bandar Kota Bharu bermula pada tahun 1844 apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad II dengan rasminya telah membuka Kota Bharu sebagai ibu negeri Kelantan yang baharu bagi menggantikan Kota Saba. Pemindahan ibu negeri ini dibuat kerana Kota Saba tidak lagi sesuai untuk dijadikan pusat pentadbiran kerana ancaman banjir. Baginda telah bersemayam di sebuah istana yang digelar sebagai "Kota Bharu" sempena nama kota yang baharu dibuka oleh baginda. Walau bagaimanapun, tidak lama kemudian Istana Kota Bharu telah ditukar nama kepada Istana Balai Besar ekoran kekeliruan yang timbul antara nama tempat dan juga nama sebuah istana. Sejak itu, Kota Bharu telah mengalami proses urbanisasi yang pesat dan menjadi tumpuan penduduk. Kini, Kota Bharu muncul sebagai bandar terbesar di Pantai Timur Malaysia dengan jumlah penduduk seramai 491, 237 orang (Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2010).

Sebagai sebuah 'kota budaya' lukisan mural adalah salah satu tarikan yang terdapat di Kota Bharu. Lukisan mural atau lebih dikenali sebagai seni visual jalanan merupakan hasil seni dua dimensi yang dibuat dan dipersembahkan kepada masyarakat. Mural adalah sebahagian integral daripada masyarakat kerana dalam setiap lukisan mempunyai keunikan yang tersendiri serta ia juga memaparkan harapan, ketakutan, perjuangan serta aspirasi (Rolston 1994). Mural antara hiasan dalaman yang dilukis di dinding, siling dan permukaan yang bersifat kekal. Kewujudan lukisan mural ini dikesan bermula pada zaman paleolitik lagi. Manakala zaman pertengahan, mural sering dihasilkan di atas plaster kering. Pada zaman moden pula, terdapat mural yang dilukis di atas kanvas yang kemudiannya dilekatkan pada dinding dan teknik ini digunakan secara meluas pada abad ke-19. Kini penghasilan mural menggunakan pelbagai kaedah serta medium termasuklah cat berasaskan minyak atau air. Motif atau corak juga dipelbagaikan termasuklah corak yang bersifat abstrak dan lukisan tiga dimensi. Pada zaman dahulu, penghasilan lukisan mural ini hanyalah berfungsi sebagai medium untuk berkomunikasi dengan masyarakat. Tetapi pada masa kini, penghasilan lukisan mural lebih menjurus kepada gabungan karya seni dan pada masa yang sama dianggap sebagai penyeri dinding untuk dalam dan luar bangunan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu penggunaan set soal selidik. Menurut Majid Konting (1990) soal selidik adalah alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Selain itu, soal selidik adalah merupakan satu alat ukur yang praktikal dan berkesan serta dapat mencapai tujuan kajian dengan menggunakan perbelanjaan yang sederhana.

Menurut Jonathan Sarwono (2006), kaedah kuantitatif merupakan penelitian ilmiah yang sistematik terhadap bahagian, fenomena serta hubungan-hubungannya. Kajian kuantitatif merupakan satu kajian secara umum yang menggunakan analisis statistik. Kaedah ini lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Maka, dalam konteks kajian ini, sebanyak 30 salinan borang soal selidik diedarkan kepada responden yang terdiri daripada komuniti setempat dan dipilih secara rawak di sekitar Kota Bharu, Kelantan. Melalui kajian kuantitatif yang digunakan ini, maka kesan lukisan mural terhadap persepsi, moral masyarakat dan ekonomi masyarakat di sekitar Kota Bharu dapat diperolehi. Selain itu, kajian ini juga menggunakan data sekunder ialah sumber data penelitian yang diperoleh melalui media perantaraan atau secara tidak langsung yang berupa buku, artikel, dokumen atau lukisan-lukisan berkaitan dan catatan lain.

Persepsi Komuniti Setempat Terhadap Lukisan Mural


Kajian ini melibatkan 30 orang responden yang terdiri daripada komuniti setempat di kawasan kajian iaitu Kota Bharu, Kelantan. Hasil analisis data menunjukkan, majoriti responden terdiri daripada perempuan, seramai 24 orang atau 80% daripada keseluruhan responden manakala bakinya, 6 orang atau 20% pula terdiri daripada responden lelaki. Daripada segi umur pula, majoritinya terdiri daripada responden yang berumur antara 21-30 tahun iaitu 18 orang atau 60%. Manakala responden berumur 31-40 tahun pula berjumlah 6 orang responden (20%). Analisis bagi responden yang berumur antara 40 sehingga 50 tahun mencatatkan seramai 4 orang responden (13.3%) sementara sebanyak 2 orang responden (6.7%) pula mewakili peringkat umur 16-20 tahun. Bagi analisis responden mengikut pecahan bangsa pula, majoritinya terdiri daripada responden berbangsa Melayu dengan catatan sebanyak 21 orang atau 70%, manakala responden berbangsa Cina pula sebanyak 23.3% atau 7 orang dan bangsa India pula sebanyak 6.7% atau 2 orang. Dalam kajian ini, terdapat 4 pecahan pekerjaan responden iaitu bekerja dalam sektor awam atau kerajaan, sektor swasta, pelajar dan bekerja sendiri. Jumlah responden yang paling ramai terdiri daripada para pelajar iaitu 19 orang (63.3%). Selain itu, seramai 4 orang responden dicatatkan bekerja dalam sektor awam atau kerajaan (13.3%). Bagi sektor swasta pula adalah seramai 2 orang (6.7) dan responden yang bekerja sendiri adalah seramai 5 orang (16.7%). Hasil analisis ditunjukkan pada jadual 1 berikut:

Jadual 1. Taburan data demografi responden kajian

Kategori	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	6	20.0
Perempuan	24	80.0
Umur		
16-20 Tahun	2	6.7
21-30 Tahun	18	60.0
31-40 Tahun	6	20.0
40-50 Tahun	4	13.3
Bangsa		
Melayu	21	70.0
Cina	7	23.3
India	2	6.7
Jenis pekerjaan		
Sektor kerajaan	4	13.3
Sektor swasta	2	6.7
Bekerja Sendiri	5	16.7
Pelajar	19	63.3


Sumber: Kajian Lapangan 2019.

Dapatan kajian menunjukkan responden kajian mempunyai persepsi positif terhadap kewujudan lukisan mural di dinding bangunan yang terdapat di sekitar Bandar Kota Bharu. Responden bersetuju bahawa lukisan mural ini sesuai diletakkan di dinding bangunan kerana dengan adanya lukisan dinding ini telah menjadikan dinding-dinding bangunan kelihatan lebih indah dan menarik. Perbincangan ini seperti hasil analisis berikut:



Carta 1. Persepsi masyarakat terhadap lukisan mural
Sumber: Kajian Lapangan 2019.

Carta 1 menunjukkan analisis persepsi masyarakat tentang kewujudan mural sebagai salah satu daya tarikan di Kota Bharu. Hasil daripada data yang diperolehi, didapati kesemua 30 orang responden bersetuju dengan soalan bagi Item A1, Adakah mural sesuai diletakkan pada dinding bangunan. Seterusnya, bagi Item A2, Adakah pelukis berjaya menyampaikan mesej melalui mural pula seramai 26 orang responden bersetuju dengan peratusan sebanyak 86.6%. Manakala seramai 4 orang responden tidak bersetuju dengan Item A2 dengan jumlah peratusan sebanyak 13.3%. Item A3, Mural memberi kesedaran kepada masyarakat pula mencatat 23 orang responden atau 76.6% iaitu seramai 23 orang responden bersetuju berbanding 7 orang responden atau 23.3% yang tidak bersetuju dengan aspek yang terdapat dalam Item A3. Hasil analisis item A4, Adakah lukisan mural menjadi lambang kemakmuran kepada masyarakat, seramai 21 orang responden bersetuju dengan peratusan sebanyak 70%, manakala, 9 orang responden atau 30% pula menolak pernyataan Item A4. Item yang terakhir iaitu Item A5 pula iaitu, Adakah lukisan mural mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat mencatatkan seramai 23 orang responden bersetuju dengan aspek yang terdapat di dalam Item A5. 7 orang responden pula tidak bersetuju dengan Item A5 iaitu 23.3%.



Carta 2. Kesan Lukisan Mural Kepada Moral Masyarakat
Sumber: Kajian Lapangan 2019.

Carta 2 adalah paparan hasil analisis responden terhadap kesan lukisan mural kepada moral masyarakat. Analisis pada Item B1, Adakah lukisan mural mencatitkan Kawasan persekitaran bangunan, seramai 17 orang responden (56.6%) bersetuju, manakala bakinya 13 orang responden (43.3%) menolak. Majoriti responden yang menjawab ya pula dicatitkan pada Item B2, Pada pendapat anda, adakah lukisan dinding ini memberi kesan positif kepada masyarakat iaitu seramai 26 orang responden (86.6%) dan untuk jawapan tidak pula, hanya 4 orang responden (13.3%) sahaja. Seterusnya, analisis Item B3, Adakah lukisan mural memberi kesan positif kepada pemikiran masyarakat pula telah mencatat 24 orang responden (80%) yang menjawab ya, manakala 6 orang (20%) pula menjawab tidak. Item B4 pula menunjukkan seramai 20 orang responden (66.6%) menjawab ya pada pernyataan Adakah masyarakat bertanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran dan 10 orang responden (33.4%) menjawab tidak. Item B5 pula, Adakah lukisan mural tidak menggalakkan remaja melakukan vandalisme pula mencatatkan sebanyak 76.6% atau seramai 23 orang responden bersetuju manakala 7 orang responden (23.3%) menolak.

Selain itu, responden juga bersetuju bahawa pelukis telah berjaya menyampaikan mesej melalui lukisan-lukisan mural. Lukisan-lukisan yang terdapat di Street Art Kota Bharu Kelantan berkisar tentang kehidupan masyarakat Arab dan penderitaan yang ditanggung oleh penduduk Palestin. Responden kajian juga mengakui lukisan-lukisan mural dapat menimbulkan keinsafan dan syukur dengan nikmat keamanan hidup di Malaysia. Daripada sudut lain pula dapat membuktikan pelukis mural telah berjaya menyampaikan mesej kepada masyarakat setempat tentang kepentingan menjaga keamanan negara (Wan Mohd Nawi Ali 2016). Responden juga bersetuju bahawa lukisan-lukisan mural yang terdapat di dinding bangunan sedar akan keamanan dan kedamaian negara sekiranya mereka bekerjasama menjaga keharmonian negara. Dengan kewujudan lukisan mural tersebut juga telah membentuk keinsafan dalam diri masyarakat berikutan mural yang dihasilkan seakan-akan hidup untuk menceritakan kronologi yang menimpa penduduk negara bergolak berkenaan. Perkongsian lukisan mural ini adalah untuk dijiwai oleh penduduk tempatan serta masyarakat juga mampu membantu walaupun hanya dengan berdoa (Hazira Ahmad Zaidi 2016).

Responden turut bersetuju bahawa penghasilan lukisan mural ini telah mendapat sambutan dalam kalangan pelancong daripada dalam dan luar negara. Mural-mural yang terdapat di Street Art Kota Bharu Kelantan dilukis bertemakan penceritaan penduduk Palestin. Terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa terdapat persepsi positif yang ditunjukkan oleh pelancong. Destinasi mesra pelancong merupakan satu konsep yang dapat memberikan kepuasan kepada pelancong melalui hubungan dan penggunaan secara maksimum elemen aktiviti, ruang dan produk pelancongan, (Anuar et al. 2013).


Mural sebagai daya tarikan baharu pelancongan warisan di Kota Bharu, Kelantan

Lukisan mural ini merupakan salah satu inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membantu penduduk tempatan menjana pendapatan khususnya menerusi sektor pelancongan warisan. Inisiatif ini dilakukan dengan kerjasama daripada pelukis-pelukis mural yang terdapat di negeri Kelantan. Seni mural ini telah menjadi tarikan pelancongan kepada masyarakat kerana mural-mural yang dihasilkan mempunyai keunikan tersendiri iaitu dengan bertemakan kemanusiaan.

Lukisan mural dilihat berpotensi menjadi produk pelancongan yang mempunyai nilai komersial kepada sektor ekonomi. Mural-mural ini dilukis di kawasan tumpuan utama pelancong terutamanya pada bangunan-bangunan lama yang mempunyai nilai warisan dan estetika seni bina rumah kedai. Keindahan estetika dan keunikan warisan yang terdapat pada kawasan bernilai warisan menjadi tunjang utama dalam pelancongan warisan. Hal ini seperti dalam fokus utama *National Association of Tribal Historic Preservation Officers* (2011) yang menyatakan pelancongan warisan adalah landskap budaya dan usaha memulihara serta memelihara rupa bentuk sejarah yang terdapat di sesebuah kawasan. Badaruddin & Nikmatul (2007) juga memberi takrifan yang sama mengenai pelancongan warisan iaitu pelancongan ke tapak-tapak semula jadi seperti taman-taman negara termasuk kawasan yang kaya dengan nilai estetika dan sejarah. Lukisan mural yang dihasilkan telah mengubah landskap ekonomi dan sosial masyarakat dan negeri Kelantan sekaligus menonjolkan keistimewaan yang sedia ada di Kota Bharu. Seni mural juga telah terbukti menjadi tarikan

pelancongan. Ia dapat dilihat daripada peningkatan pelancong yang masuk ke negeri Kelantan. Sehingga Julai 2017, dicatatkan seramai 3 juta pelancong telah berkunjung ke negeri Kelantan dan telah berjaya meningkatkan dana pendapatan di kawasan sekitar Kota Bharu. Hal ini membuktikan, sektor pelancongan warisan yang mendapat suntikan kontemporari berjaya mendapat tempat dalam kalangan pelancong. Dalam erti kata lain, kehadiran *Street Art* dilihat menambah seri dan estetika yang terdapat pada rumah-rumah kedai lama di sekitar Kota Bharu.

Melalui tarikan tersebut, sektor ekonomi penduduk tempatan dapat dikukuhkan lagi dengan berpeluang terlibat secara langsung dalam pelancongan warisan misalnya perusahaan hotel, pengangkutan, makanan dan pemandu pelancong. Kewujudan lukisan mural telah menarik pelancong dan sekaligus telah meningkatkan ekonomi rakyat tempatan. Kedudukannya yang strategik iaitu di deretan rumah kedai lama berjaya menjadi tumpuan pelancong yang juga berkunjung ke tempat-tempat bersejarah di sekitarnya. Perbincangan ini dibuktikan dengan analisis kajian pada bahagian sola selidik seperti berikut:



Carta 3. Kesan lukisan mural terhadap ekonomi komuniti setempat
Sumber: Kajian Lapangan, 2019.

Bagi meninjau kesan lukisan mural terhadap ekonomi komuniti setempat, responden diajukan soalan berdasarkan 5 item dalam bahagian C soal selidik kajian ini. Berdasarkan Carta 3, Item C1, Lukisan mural menjadi tarikan pelancong kepada masyarakat dengan jumlah yang paling tinggi sebanyak 30 orang responden (100%) menjawab ya. Manakala seramai 29 orang responden (96.6%) bersetuju dengan pernyataan Item C2, Adakah lukisan mural menjadi faktor penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan hanya seorang responden (3.3%) menjawab tidak. Seterusnya untuk Item C3, Lukisan mural yang dilukis di dinding menjadikan pelancong tertarik berkunjung ke Kota Bharu, didapati 30 orang responden (100%) menjawab ya. Bagi Item C4 pula, iaitu Adakah lukisan mural merupakan produk pelancongan yang mempunyai nilai komersial kepada ekonomi mencatatkan seramai 25 orang responden (83.3%) telah menjawab ya dan 5 orang responden (16.6%) menjawab tidak. Bagi item yang terakhir, C5, Adakah dengan melawat tapak lukisan mural dapat memberi idea dalam perkembangan ekonomi pula mencatatkan seramai 26 orang responden (86.6%) menjawab ya, manakala bagi jawapan tidak pula hanya seramai 4 orang responden (13.3%).

KESIMPULAN

Hasil analisis kajian membuktikan lukisan mural memberi kesan positif kepada komuniti setempat dan berupaya menjadi sebagai salah satu daya tarikan di bandar Kota Bharu, Kelantan. Hal ini dapat dilihat apabila lukisan mural yang dihasilkan di deretan rumah kedai lama di bandar Kota Bharu mendapat maklum balas positif komuniti setempat dan membentuk komuniti yang mencintai keindahan persekitaran. Lukisan yang dilukis di dinding telah memberi peluang kepada masyarakat menghargai dan menjaga keamanan negara sejajar dengan tema lukisan mural tersebut. Lukisan mural ini juga telah menjadikan lorong bangunan yang dulunya terbiar kini menjadi tumpuan pelancong daripada pelbagai jenis umur, bangsa, pekerjaan dan jantina bagi menghayati mesej-mesej yang disampaikan oleh pelukis selain menyelusuri tarikan warisan lain di kawasan sekitar. Lukisan mural ini juga telah membuatkan dinding bangunan yang kosong menjadi lebih indah dengan lukisan-lukisan yang sarat dengan mesej kepada masyarakat hari ini dan untuk generasi akan datang. Dalam masa yang sama juga, lukisan mural ini telah terbukti berjaya menjadi daya tarikan pelancongan warisan di bandar Kota Bharu Kelantan. Kemasukan pelancong asing ke negeri ini telah membuktikan bahawa keunikan yang dipersembahkan melalui lukisan mural telah mendapat tempat di hati pelancong. Lukisan mural ini juga telah membuktikan pengaruh positif dalam sektor ekonomi negeri dan masyarakat setempat.

RUJUKAN

- Anuar A.N.A, Habibah A., Hamzah J., Hussain M.Y. 2013. Policy and tourism development strategy towards tourist friendly destination in Kuala Lumpur. *Asian Social Science* 9(2): 180-190.
- Badaruddin Mohamed & Nikmatul Adha Nordin. 2007. *Perancangan Pelancongan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia. 2010. *Laporan Kiraan Permulaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Hazira Ahmad Zaidi. 2016. Lukisan dan Mural Kreatif, *Harian Metro*, 22 Julai.
- Jonathan Sarwono. 2006. *Metode Penelitian Kuantitatif dan Kualitatif*. Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada.
- Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- National Association of Tribal Historic Preservation Officers, USA. 2011.
- Rolston. 1994. *Environmental Ethics in Applied Ethics*.

Farrah Atikah Saari
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan,
16300, Bachok, Kelantan,
Email: atikah.s@umk.edu.my

Daeng Haliza Daeng Jamal, (Ph.D)
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan,
16300, Bachok, Kelantan,
Email: haliza.j@umk.edu.my,

Nor Asmalini Mohd Nawi
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan,
16300, Bachok, Kelantan,
Email: liniey94@ymail.com

Nasirin Abdillah
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan,
16300, Bachok, Kelantan,
Email: nasirin@umk.edu.my

Received : 18 November 2020
Accepted : 30 November 2020
Published : 14 December 2020